

TERBITAN : DEWAN EKONOMI | INFO CUKAI

KELUARAN : FEBRUARI 2025

**TAJUK : INGIN MENAMBAHKAN TABUNGAN?
MANFAATKAN PELEPASAN CUKAI ANDA!**

Info Cukai

Oleh: HASIL



Ingin Menambahkan Tabungan? Manfaatkan Pelepasan Cukai Anda!

Saban tahun, pembentangan belanjawan negara sentiasa dinantikan oleh setiap lapisan rakyat Malaysia. Selain peruntukan dan bantuan khas daripada kerajaan yang memberikan manfaat kepada bakal penerimanya, pengumuman pelepasan cukai sama ada inisiatif baharu mahupun penambahbaikan insentif sedia ada turut menjadi perhatian terutamanya buat pembayar cukai. Pelepasan ini akan membantu mengurangkan jumlah cukai yang perlu dibayar semasa pelaporan pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL) mengikut jenis pendapatan yang diterima.

Secara umumnya, pengenaan cukai terhadap individu adalah tertakluk kepada seseorang yang mempunyai jumlah pendapatan melebihi nilai ambang yang ditetapkan, iaitu RM37,333 setahun dan layak dikenakan cukai. Mereka perlu mendaftarkan Nombor Pengenal Cukai yang juga dikenali sebagai Nombor TIN dan skop pengenaan cukai adalah bergantung pada taraf mastautinnya. Individu bermastautin dikenakan cukai mengikut kadar cukai berskala serta layak menuntut potongan menurut seksyen 45A hingga seksyen 49 Akta Cukai Pendapatan 1967. Individu bukan pemastautin pula dikenakan cukai pada kadar tetap 30% dan tidak layak menikmati sebarang pelepasan cukai.

Seseorang pembayar cukai perlu mengetahui perbelanjaan yang dibenarkan sebagai tuntutan dalam ruangan pelepasan tersebut agar segala pelaporan yang dibuat adalah betul dan teratur. Yang paling utama, segala tuntutan yang dibuat haruslah selari dengan dokumen pembuktian yang akan mengesahkan perbelanjaan yang telah dibuat bagi suatu tahun takhsiran.

PELEPASAN CUKAI INDIVIDU PEMASTAUTIN 2024

TAHUN TAKSIRAN

PELEPASAN INDIVIDU	INSURANS DAN CARUMAN
SIJIL METERIAL HONORIF KEPADA REKAS STEER RM4,000 POTONGAN TAMBAHAN BAYARAN KURANG UPAYA RM6,000 SIJIL METERIAL HONORIF KEPADA REKAS STEER RM4,000 YURAN PENGALIAN (DEVIDEN) RM7,000 INSURANS PENCOROKAN DAN PENCOROKAN INDIVIDU (INDIVIDU) SAMBUTAN ATAU ANAK RM3,000 INSURANS NYAWA DAN KOPER RM7,000 SSPN (TABUNGAN BERSIH) RM3,000 PERSEKUTUAN BERTAMBAH BAYARAN PEKERJAAN RM3,500	INSURANS PENCOROKAN DAN PENCOROKAN INDIVIDU (INDIVIDU) SAMBUTAN ATAU ANAK RM3,000 INSURANS NYAWA DAN KOPER RM7,000 SSPN (TABUNGAN BERSIH) RM3,000 PERSEKUTUAN BERTAMBAH BAYARAN PEKERJAAN RM3,500
GAYA HIDUP	PERUBATAN DAN KEPERLUAN KHAS
GAYA HIDUP RM2,500 KEPERLUAN KHAS RM10,000 PERUBATAN RM10,000 KEPERLUAN KHAS RM10,000	PERUBATAN RM10,000 KEPERLUAN KHAS RM10,000 PERUBATAN RM10,000 KEPERLUAN KHAS RM10,000
PELEPASAN ANAK	
PELEPASAN ANAK RM2,000 PELEPASAN ANAK RM2,000 PELEPASAN ANAK RM2,000	PELEPASAN ANAK RM2,000 PELEPASAN ANAK RM2,000 PELEPASAN ANAK RM2,000

Dikemas kini sehingga: 17 Disember 2024

Penafian: Rustrasi ini hanyalah ringkasan. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hasil.gov.my

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

Rajah 1 Senarai pelepasan cukai individu bagi tahun takhsiran 2024.

Yang berikut merupakan pelepasan cukai individu terbaharu yang telah ditambah baik dan perlu diberikan perhatian bagi tahun taksiran (TT) 2024:

BIL.	JENIS PELEPASAN	AMAUN (RM)
1.	Yuran pengajian bagi kursus peningkatan kemahiran atau kemajuan diri: Tempoh tuntutan dilanjutkan mulai TT 2024 sehingga 2026.	2,000 (TERHAD)
2.	Perbelanjaan perubatan ke atas diri sendiri, pasangan atau anak: Diperluas kepada pemeriksaan dan rawatan pergigian.	10,000 (TERHAD)
3.	Gaya hidup – Perbelanjaan untuk kegunaan diri sendiri, pasangan atau anak: Diperluas kepada bayaran yuran kursus peningkatan kemahiran diri (self-enrichment).	2,500 (TERHAD)
4.	Gaya hidup – Pelepasan tambahan untuk kegunaan diri sendiri, pasangan atau anak: Diperluas kepada bayaran fi keahlian gimnasium atau latihan sukan yang disediakan oleh persatuan/kelab sukan/syarikat yang berdaftar untuk menjalankan aktiviti sukan yang disenaraikan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997.	1,000 (TERHAD)
5.	Perbelanjaan bayaran pemasangan, sewaan, pembelian termasuk sewa beli peralatan atau langganan bagi penggunaan kemudahan pengecasan kenderaan elektrik bagi kenderaan sendiri (bukan untuk kegunaan perniagaan): Tempoh tuntutan dilanjutkan mulai TT 2024 sehingga 2027.	2,500 (TERHAD)

Selain pelepasan cukai, jumlah cukai sebenar yang perlu dibayar juga boleh dikurangkan dengan rebat cukai seperti yang berikut:

- (a) Rebate bagi pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000:
 - (i) Rebate cukai individu sebanyak RM400, dan
 - (ii) Rebate cukai suami/isteri sebanyak RM400 dan telah dibenarkan pelepasan suami/isteri sebanyak RM4,000;
- (b) Levi pelepasan bagi perjalanan umrah/perjalanan tujuan keagamaan agama lain:
Amaun rebat yang dibenarkan adalah bersamaan amaun levi pelepasan yang dibayar tetapi tuntutan adalah terhad kepada dua (2) kali perjalanan seumur hidup; dan
- (c) Bayaran bagi zakat dan fitrah yang wajib dibayar yang dibuat dalam tahun asas.

Pelaporan cukai yang betul dan penyimpanan dokumen yang teratur akan memudahkan pengiraan cukai yang tepat. Secara tidak langsung, pengiraan yang tepat turut menjurus kepada penjimatan serta penambahan dalam tabungan seseorang individu kerana cukai yang dikenakan adalah selari dengan jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dituntut sebagai pelepasan cukai. Selain itu, kecekapan dalam pengurusan percukaian bukan sahaja memanfaatkan individu tersebut, malah membawa sinar kepada kelompok masyarakat yang benar-benar memerlukan menerusi sumbangan cukai yang diberikan.

Maklumat lanjut berhubung pelepasan cukai individu dan maklumat lain berkaitan dengan percukaian boleh dirujuk dalam portal rasmi HASiL melalui www.hasil.gov.my.